

Keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam tanggungjawab YDP Agong

Oleh **DATUK DR WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN**
Pengasas
Jurisprudens Watan
merangkap
Profesor Madya Fakulti
Pengurusan Industri, UMP



TANGGAL 13 Oktober 2020 menjadi buah mulut rakyat Malaysia bahkan ada ternanti-nanti untuk melihat senarai nama ahli Dewan Rakyat yang berahli sokongan kepada Dato' Sri Anwar Ibrahim. Dakwaan DSAI bahawa Jemaah Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah jatuh akibat TSMY terhenti mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat ternyata masih belum dapat memuaskan hati Yang di-Pertuan Agong tentang kebenarannya. Sebaliknya Agong menasihati DSAI untuk akur dan menghormati proses-proses perundangan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menurut kenyataan Datuk Pengelola Istana Negara pada hari yang sama, "Dalam sesi yang berlangsung selama lebih kurang 25 minit ini, DSAI telah mengemukakan jumlah Ahli Dewan Rakyat yang didakwa memberi sokongan kepada beliau. Walau bagaimanapun, beliau tidak mengemukakan senarai nama ahli Dewan Rakyat untuk mengukuhkan dakwaan tersebut".

Pada jam 2 petang hari itu juga DSAI mengadakan sidang media khas. Beliau menyatakan dokumen sah telah dipersembahkan untuk menunjukkan majoriti kulah dan meyakinkan ahli-ahli Parlimen yang menyokong beliau. Beliau menyeru rakyat agar bersabar dan memberikan peluang kepada Agong untuk meneliti dokumen tersebut dan dalam tempoh beberapa hari lagi menitahkan ketua-ketua parti politik menghadap bagi maksud pengesahan yang perlu. Katanya, dokumen itu dalam bentuk aksen bersumpah dan pengesahan dokumen ketua-ketua parti, DSAI juga mengulangi pernyataannya bahawa Kerajaan TSMY sudah jatuh kerana beliau mendapat sokongan lebih 120 orang ahli Dewan Rakyat.

Berdasarkan kenyataan Istana Negara, masih terluar

awal untuk membenarkan dakwaan DSAI bahawa PM tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. DSAI hanya mengemukakan jumlah ahli Dewan Rakyat tanpa senarai nama. Maklumat sedemikian pastinya tidak adil buat Agong untuk memberikan pertimbangan malah bercanggah dengan apa yang dijanjikan oleh DSAI sebelum ini, atau mungkin rakyat terkeliru dengan pernyataan beliau. Mungkin tindakan DSAI hanya mengemukakan angka tanpa senarai nama merupakan satu helah untuk mengelakkan dakwaan beliau disanggah atau dituduh membuat representasi palsu.

Ramai berpendapat bahawa tidak wajar buat DSAI untuk memohon Agong menitahkan ahli-ahli Dewan Rakyat atau ketua-ketua parti politik menghadap sedangkan setakat masa ini, sokongan 120 orang ahli Dewan Rakyat kepada beliau masih kekal sebagai satu dakwaan semata-mata, bukanlah fakta. Walau bagaimanapun perlu atau tidak Agong menitahkan pemimpin parti-parti politik menghadap merupakan prerogatif baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mungkin dakwaan itu merupakan strategi DSAI untuk memecahkan perpaduan Perikatan Nasional dengan mencetuskan suatu provokasi kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat tuntutan terhadap TSMY sebagai Pengerusi PN.

Dalam perkembangan perkara yang sama, dilaporkan pada 13 Oktober 2020, Mesyuarat Biro Politik UMNO memutuskan bahawa UMNO membuat pertimbangan untuk menarik diri dari menyokong PN dan akan memberi syarat baharu kepada Kerajaan PN bagi meneruskan kerjasama politik secara perjanjian bertulis untuk dilaksanakan secepat mungkin. Keesokannya mula tersebar surat bertarikh 25 September 2020 yang mengandungi usul dari Tengku Razaleigh Hamzah kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan surat balasannya. Susulan daripada itu, pada 16 Oktober, Setiausaha Agung UMNO, Dato' Seri Ahmad Maslan dilaporkan berkata "UMNO tidak berhasrat kemukakan usul undi tidak percaya kepada Perdana Menteri, Tan Sri

Muhyiddin Yassin". Pada hari sama, selain daripada Tun Dr Mahathir, tiga orang lagi ahli Parlimen iaitu Jerlun, Kubang Pasu dan Simpang Renggam mengemukakan Usul Undi Tidak Percaya terhadap PM.

Istana Negara juga memberi reaksi terhadap suhu politik negara yang semakin jelas menimbulkan kekusaran rakyat jelata. Selain menyeru rakyat untuk menunaikan solat hajat bagi mendoakan kesihatan akibat penularan semula wabak COVID-19, titah nasihat Agong disampaikan melalui Datuk Pengelola Bijaya Diraja kepada ahli-ahli politik. Nasihat Agong kepada rakyat khususnya ahli-ahli politik untuk bersama bermuhasabah agar negara ini tidak sekali lagi diheret ke kancap politik yang tidak menentu ketika negara masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan masa depan yang sukar akibat ancaman wabak COVID-19. Baginda mengulangi titah kepada ahli-ahli Parlimen untuk mempamerkan kematangan dalam berpolitik dan memahami serta menjiwai keluh kesah rakyat dan tidak mengabaikan kesejahteraan mereka. Titah baginda lagi, "ahli-ahli politik seharusnya tidak mengakhiri perbezaan pendapat dengan pemusuhan tetapi sebaliknya menyelesaikan permasalahan melalui perundingan dan proses-proses perundangan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan".

Sebagai Agong, baginda mempunyai kewajipan untuk meletakkan keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam sebagai keutamaan demi melindungi masalah rakyat selaras dengan sumpah baginda untuk berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri. Justeru, sebelum baginda membuat keputusan sama ada PM masih mempunyai kepercayaan ahli majoriti Dewan Rakyat atau tidak lagi, Agong mempunyai prerogatif untuk menasihati ahli Dewan Rakyat agar menguruskan pertikaian dalam kalangan mereka dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhannya. Baginda juga mempunyai prerogatif untuk menunda keputusan sama ada PM telah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat



Parlimen merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia. Parlimen terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

dalam tempoh yang munasabah.

Melihat kepada situasi pada hari ini, pilihan yang ada bagi Agong untuk memperkenalkan sebuah Jemaah Menteri baharu atau pembubaran Parlimen atau penggabungan Parlimen boleh mengakibatkan implikasi lebih buruk daripada keadaan sedia ada. Perubahan pucuk pimpinan dan Jemaah Menteri baharu belum tentu boleh bertahan sehingga suatu tempoh menghabisi hayat Parlimen, malah belum tampak seorang calon PM yang mampu menghimpunkan sokongan lebih baik daripada TSMY. Jika Parlimen dibubarkan pula, pasca PRU berkemungkinan akan mengakibatkan penularan wabak COVID-19 ke tahap lebih kritikal. Kedua-dua keadaan di atas boleh memudaratkan lagi keadaan negara dari aspek kesihatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam ke suatu tahap yang mungkin Kerajaan tidak lagi mampu untuk berfungsi dengan baik melihat kepada implikasi kewangan negara sejak dilanda wabak COVID-19.

Selaras dengan kewajipan Agong sebagai ketua utama negara yang mempunyai prerogatif, kuasa dan bidang kuasa seperti diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan, baginda tidak dibataskan hanya solusi berlandaskan Perkara 43(4) untuk menguruskan kemelut yang melanda negara. Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan mengekalkan kuasa seorang pemerintah tertinggi untuk mengisytiharkan proklamasi darurat demi memelihara

keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam dalam negara. Perkara 150 memperuntukkan berikut:

(1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat dengan membuat dalamnya suatu perisytiharan yang bermaksud sedemikian.

(2) Proklamasi Darurat di bawah Fasal (1) boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa kejadian sedemikian hampir benar berlaku.

Agong mempunyai kuasa untuk memasyhurkan mana-mana ordinan yang dikehendaki oleh sebab darurat walaupun tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan tertakluk pada kuasa itu tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak; dan yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan

Sambung muka 3 >>>